

03 OCT 2002

AIRBUS-CTRM/I

CTRM METERAI PERJANJIAN BEKAL KOMPONEN UNTUK A380 SUPERJUMBO

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Airbus hari ini memeterai perjanjian baru dengan Composite Technology Research Malaysia (CTRM) bagi pembekalan komponen sayap pesawat A380 Superjumbo.

Majlis pemeterian perjanjian itu dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kemudahan komposit CTRM, di Melaka, demikian menurut Airbus dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Airbus, perjanjian itu dijangka mengukuhkan lagi kedudukan CTRM sebagai pembekal komposit utama dalam rangkaian bekalan Airbus.

Sebelum ini, perjanjian antara kedua-dua syarikat itu meliputi kerja-kerja komposit bagi keluarga pesawat A300 dan A320. Hubungan niaga itu bermula pada 1999.

Hubungan Airbus dengan Malaysia pula bermula pada Ogos 1978 apabila Penerbangan Malaysia membuat tempahan pertama untuk pesawat A300B4.

Pada 1989, syarikat penerbangan kebangsaan itu menempah lapan buah pesawat badan lebar A330-300. Dua lagi pesawat ditempah pada 1990. --

BERNAMA

WNZ SD JR